

22/02/1998

Kes buang pekerja perlu perhatian serius

KUALA LUMPUR: Pemuda Barisan Nasional (BN) menggesa Kementerian Sumber Manusia memberi perhatian serius terhadap isu pembuangan pekerja tempatan oleh beberapa syarikat sejak akhir-akhir ini.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata kementerian perlu melakukan perubahan terhadap peraturan berkaitan pembuangan pekerja bagi mengelak syarikat tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dalam keadaan ekonomi sekarang.

Katanya, jika syarikat boleh mengurangkan waktu bekerja bagi menggantikan pembuangan pekerja, perkara ini perlu dilaksanakan segera.

Menurutnya, ada syarikat sengaja membuang pekerja tempatan dan kumpulan pengurusan yang dianggap bergaji besar untuk mengambil pekerja asing yang dibayar gaji yang rendah.

"Kita tidak mahu syarikat menggunakan alasan kegawatan ekonomi untuk membuang pekerja tempatan agar kesan kegawatan tidak diburukkan lagi," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pergerakan itu di sini semalam.

Mesyuarat itu dihadiri semua pemimpin pergerakan pemuda parti komponen BN kecuali daripada Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) yang melangsungkan mesyuarat agung mereka.

Ahmad Zahid berkata, Pemuda BN juga meminta kerajaan mengkaji semula pemberian dan syarat lesen kepada Astro kerana stesen televisyen satelit itu terlalu memberikan tumpuan kepada program dari luar negara.

Beliau berkata, Pemuda BN melihat kandungan program tiga saluran Astro iaitu Astro Ria, Vaanavil dan Wah Lai Toi sebagai unsur penjajahan minda terhadap penonton Malaysia.

Menurutnya, pergerakan itu juga kesal dengan tindakan Astro menutup Jabatan Berita dan Hal Ehwal Semasa yang menyebabkan lebih 300 pekerja, kebanyakan rakyat tempatan, hilang pekerjaan.

"Ini menunjukkan stesen ini tidak ada rancangan yang memberikan pembangunan minda kepada rakyat Malaysia," katanya.

Ahmad Zahid berkata, Pemuda BN juga menyokong penuh kepada kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam konvensyen BN Sabah kelmarin mengenai keprihatinan yang harus ada pada rakyat Malaysia terutama dalam kegawatan sekarang.

Beliau berkata, semua pihak perlu mengambil sikap proaktif dan bersama berusaha mengatasi sebarang masalah.

Katanya, masalah di Sabah berkaitan penggiliran jawatan ketua menteri dikalangan tiga kumpulan etnik di Sabah sebagai manifesto yang perlu dipatuhi.

"Ini adalah satu ketelusan kepemimpinan BN bagi melihat kestabilan politik di Sabah yang pastinya dapat diterjemahkan kepada kestabilan negara," katanya.

(END)